

PENGGUNAAN ASPEK DEIKSIS DALAM FILEM *HIKAYAT MERONG MAHAWANGSA*

(*The use of Deixis in the Film Hikayat Merong Mahawangsa*)

*Aminnudin Saimon*¹
deanamin@iium.edu.my

*Lisa Licson*²
lisa.licson4@gmail.com

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Hab Pendidikan Pagoh, 84600 Muar, Johor, Malaysia.^{1&2}

Pengarang Koresponden (Corresponding Author):¹

Rujukan makalah ini (To cite this article): Aminnudin Saimon & Lisa Licson. (2023). Penggunaan aspek deiksis dalam filem *Hikayat Merong Mahawangsa*. *Jurnal Bahasa*, 23(1), 147–168. [https://doi.org/10.37052/jb23\(1\)no6](https://doi.org/10.37052/jb23(1)no6)

Peroleh: <i>Received:</i>	31/5/2022	Semakan: <i>Revised</i>	19/7/2022	Terima: <i>Accepted:</i>	26/1/2023	Terbit dalam talian: <i>Published online:</i>	18/4/2023
------------------------------	-----------	----------------------------	-----------	-----------------------------	-----------	--	-----------

Abstrak

Deiksis merupakan cara sesuatu bahasa diperkatakan dan cara bahasa tersebut melengkapi konteks ujaran (Levinson, 1983). Kajian mengenai deiksis dalam filem masih tidak banyak dan belum cukup meluas kerana kajian tentang deiksis lebih tertumpu pada korpus, seperti iklan dan bahasa, atau dialek. Berdasarkan pemerhatian, sehingga kini, masih tiada kajian oleh sarjana tempatan yang mengetengahkan filem dalam penelitian elemen deiksis. Sehubungan dengan itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti jenis deiksis dalam filem *Hikayat Merong Mahawangsa* dan menganalisis deiksis berdasarkan ujaran dalam filem *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah analisis kandungan teks dalam pengumpulan data dengan bersandarkan kerangka Teori Pragmatik Levinson (1983). Dapatan akan dikenal pasti dan dikategorikan mengikut lima jenis deiksis yang digariskan dalam Teori Pragmatik Levinson (1983), iaitu deiksis orang, deiksis waktu, deiksis tempat, deiksis sosial dan deiksis wacana. Kajian ini

membantu meluaskan lagi skop kajian deiksis dan meningkatkan lagi penghasilan kajian mengenai deiksis. Jelasnya, penggunaan deiksis secara tidak langsung dapat memberikan gambaran mengenai sesuatu peristiwa, seperti penggunaan deiksis waktu dan deiksis wacana. Penggunaan deiksis ini juga dapat memberikan maklumat yang jelas mengenai perkara yang hendak disampaikan.

Kata kunci: Penggunaan, deiksis, pragmatik, Levinson, filem, *Hikayat Merong Mahawangsa*

Abstract

Deixis refers to how a language is uttered and how its utterance completes the context of what is said (Levinson, 1983). Studies of deixis in film are scarce and not widely explored because they are more focused on the corpus of advertisements and language or dialect. Based on observation, at present, there is still no research by local scholars that concentrate on deictic elements in film. Thus, the objective of this study is to identify the types of deixes in the film 'Hikayat Merong Mahawangsa' and analyze the deixes found based on the utterances in the said film. This study uses literature review and textual analysis methods in the data collection based on the framework of Levinson's Pragmatics Theory (1983). The findings were identified and categorized into the five types of deixes outlined in Levinson's Pragmatics Theory, which are the person deixis, time deixis, place deixis, social deixis and discourse deixis. This study will assist in broadening the scope of deixis studies and further increase the turnout of research on deixis. Clearly, the use of deixis can indirectly provide an overview of an event, such as the use of spatial, time and discourse deixis. The use of deixis can also provide clear information about a matter to be conveyed.

Keywords: Usage, deixis, pragmatics, Levinson, film, *Hikayat Merong Mahawangsa*

PENGENALAN

Dalam bidang pragmatik, terdapat subunit, iaitu praandaian, implikatur, lakuhan tutur, kesantunan dan deiksis yang menjadi tumpuan dalam kajian

ini. Levinson (1983) menyatakan bahawa deiksis ialah cara memperkatakan bahasa dan kaedah bahasa untuk melengkapi konteks ujaran. Dalam ujaran, sama ada sesuatu komunikasi itu secara lisan atau ujaran, deiksis menjadi petunjuk yang perlu difahami, sekali gus menjadikan elemen deiktik itu terkandung dalam semua bahasa manusia di dunia ini. Bahasa yang mempunyai elemen deiktik ini dapat memenuhi keperluan komunikasi pengguna dengan lancar dan efektifnya.

Deiksis dikatakan sebagai suatu bidang ilmu pragmatik yang penting dan bentuk paling asas dalam sesuatu ujaran (Levinson, 1983). Hal ini dikatakan demikian kerana pelbagai masalah boleh berlaku, seperti kekaburuan, salah faham ketika menerima maklumat, dan ketidakberkesanan dalam komunikasi akibat pengabaian penggunaan unsur deiksis. Tambahan pula, bidang pragmatik amat mementingkan ujaran yang dilihat konteksnya agar lebih memahami deiksis yang dimaksudkan. Maryam Nabilah dan Nurul Jamilah (2020) menyatakan bahawa pemahaman terhadap deiksis perlu dilakukan dengan lebih mendalam kerana deiksis membawa petunjuk dan makna yang berlainan berdasarkan konteks yang berbeza-beza.

Deiksis bukan sahaja boleh dikenal pasti dalam pertuturan dan interaksi secara berhadapan atau sehari-hari semata-mata, tetapi turut dapat dikenal pasti dalam karya sastera, seperti filem. Filem merupakan wahana kreatif yang bersifat perbincangan, serta melibatkan idea dan pemikiran kreatif dan kritis. Aminnudin (2019) menjelaskan bahawa filem mempunyai dimensi pentakrifan dan ruang lingkup kontekstual yang luas. Hal ini dikatakan demikian kerana filem ialah wahana kreatif yang bersifat perbincangan, serta melibatkan idea dan pemikiran, analisis, kritikan, fungsi, matlamat dan pelbagai kemahiran dan kepakaran.

Dari pada pentakrifan ini, dapat disimpulkan bahawa filem merupakan hasil produk teknologi, produk budaya siber, dan produk seni media baharu. Filem hanyalah alat pandang dengar. Filem boleh digunakan untuk pelbagai tujuan, iaitu menyampaikan maklumat, mendidik atau menghibur. Hal ini dikatakan demikian kerana filem mempunyai pengaruh yang kuat dan mampu mencorakkan tingkah laku khalayak secara langsung. Dengan erti kata lain, industri filem tidak beroperasi tanpa tujuan. Andaian bahawa industri filem hanya institusi hiburan yang memberikan hiburan semata-mata perlu diubah. Industri filem Malaysia satu daripada cabang institusi media di Malaysia yang secara tidak langsung memuatkan nilai dan pandangan tertentu dalam masyarakat.

PERNYATAAN MASALAH

Deiksis merupakan satu elemen dalam ilmu pragmatik yang amat berkait rapat dengan bahasa dan konteks dalam sesuatu pertuturan. Setiap deiksis mempunyai makna tertentu yang dihubungkan dengan leksis tertentu. Penerapan aspek deiksis dalam filem dilihat cukup penting, terutamanya untuk menyampaikan maklumat. Namun begitu, aspek deiksis dilihat sukar ditentukan penggunaannya, terutamanya dalam pengkategorian jenis deiksis. Sehubungan dengan itu, makna leksikal yang hendak disampaikan melalui penggunaan deiksis dalam filem sukar ditentukan penggunaannya disebabkan oleh kurangnya pemahaman, di samping kekeliruan terhadap deiksis. Bertitik tolak daripada isu tersebut, timbul masalah untuk memahami dan menentukan penggunaan deiksis. Hal ini bertepatan dengan pandangan yang dinyatakan oleh Nurul Shahida et al. (2016) bahawa deiksis menjadi bentuk teknikal yang paling asas untuk dipraktikkan dalam pengajaran kerana pengabaian penggunaan unsur deiksis boleh mengakibatkan masalah kekaburuan, kesalahfahaman penerimaan maklumat dan komunikasi yang tidak berkesan. Dalam kajian ini, terdapat dua objektif utama, iaitu:

1. Mengenal pasti aspek deiksis dalam filem *Hikayat Merong Mahawangsa*.
2. Menganalisis aspek deiksis dengan menggunakan Teori Pragmatik Levinson (1983).

SOROTAN KAJIAN

Kajian yang dilakukan oleh Tira Nur (2020) mendapati bahawa terdapat tiga deiksis yang digunakan dalam filem *First Kiss*, iaitu deiksis orang, deiksis masa dan deiksis tempat. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis jenis dan contoh deiksis yang terdapat dalam sari kata filem *First Kiss*. Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah kualitatif. Dalam teknik pengumpulan data, pengkaji menggunakan analisis dokumen. Hasil kajian menemukan tiga jenis deiksis yang terdapat dalam sari kata filem *First Kiss*, seperti deiksis orang, deiksis masa dan deiksis tempat. Ungkapan deiktik bagi KGND pertama ialah **I** sebagai kata ganti subjek tunggal, **me** sebagai objek tunggal kata ganti, **my** sebagai kata sifat posesif, **We** sebagai kata ganti subjek jamak, **us** sebagai kata ganti objek, **our** sebagai kata sifat posesif. Ungkapan KGND kedua ialah **you** sebagai subjek dan objek kata ganti nama, dan **your** sebagai kata ganti objek. Ungkapan deiktik bagi KGND ketiga yang ditemukan ialah **he** sebagai kata ganti

subjek, **him** sebagai objek kata ganti, dan **his** sebagai kata sifat posesif, **she** sebagai kata ganti subjek, **her** sebagai kata ganti objek dan sebagai kata sifat posesif, serta **it** sebagai subjek dan objek kata ganti. Bagi deiksis ruang, dan deiksis tempat, ditemukan kata **here** dan **there**. Bagi deiksis temporal/deiksis waktu, kata yang ditemukan ialah **now** dan **tomorrow**.

Kajian yang dijalankan oleh Rosanti dan Djon (2017) pula merupakan kajian yang memberikan tumpuan terhadap deiksis persona, deiksis tempat, dan deiksis masa. Kajian berbentuk deskriptif dan kualitatif ini menggunakan teknik pengumpulan data dengan cara menonton filem, mentranskripsikan data, mengenal pasti data, seterusnya melakukan pengelompokan data. Filem yang dijadikan sumber ialah *Kembang Polaria 1* dan *2*. Pengkaji tersebut telah menterjemahkan bahasa Sambas ke dalam bahasa Indonesia bagi tujuan penganalisisan data. Berdasarkan dapatan kajian, dapat disimpulkan bahawa deiksis persona ialah deiksis tertinggi dengan dapatan sebanyak 17 deiktik yang dibahagikan kepada tiga kategori bersandarkan peranan watak yang terlibat dalam perbualan. Bagi kategori deiksis persona orang pertama, empat deiktik berbentuk tunggal, dan dua deiktik berbentuk jamak, iaitu inklusif dan ekslusif, ditemukan. Bagi kategori deiksis persona orang kedua, tiga deiktik berbentuk tunggal, dan dua deiktik berbentuk jamak, ditemukan. Seterusnya, kategori deiksis persona orang ketiga menemukan enam deiktik dengan satu daripadanya berbentuk jamak. Deiksis waktu pula ialah deiksis terendah, iaitu hanya ditemukan 16 deiktik waktu yang terdiri daripada dua deiktik waktu proksimal, lima deiktik waktu semiproksimal dan 10 deiktik waktu distal. Bagi deiksis tempat pula, terdapat 22 deiktik yang terdiri daripada sembilan deiktik proksimal dan deiktik semiproksimal, serta empat deiktik distal. Secara keseluruhannya, kajian ini berjaya menerangkan fungsi penunjuk, seperti deiksis persona. Misalnya, ekspresi deiksis **saye** menunjukkan hubungan yang rapat antara penutur dengan lawan tutur. Dalam bahasa Melayu Sambas, **saye** digunakan apabila berkomunikasi dengan golongan yang lebih tua kerana lebih sopan. Ekspresi deiksis persona orang pertama jamak (inklusif), iaitu **kite** digunakan oleh penutur yang tidak akrab atau baru dikenali.

Seterusnya, Silvia Hariyati (2016) menghuraikan dan menganalisis jenis deiksis dalam filem *Cinderella*, seterusnya mengenal pasti dan mengklasifikasikan deiksis yang digunakan mengikut bentuk dan maknanya. Kajian ini menggunakan kaedah deskriptif dan analisis data berpandukan konsep deiksis Levinson (1983) yang mengelaskan deiksis kepada lima jenis, iaitu deiksis orang, deiksis waktu, deiksis tempat, deiksis

sosial dan deiksis wacana. Filem *Cinderella* ditonton terlebih dahulu untuk mendapatkan pemahaman yang lebih baik, kemudian teks percakapan dalam filem dicetak bagi memudahkan tugas pengklasifikasian data. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kelima-lima jenis deiksis terdapat dalam filem *Cinderella*. Hal ini selari dengan kerangka konsep Levinson (1983) yang diaplikasikan oleh pengkaji. Makna deiksis yang digunakan juga dijelaskan mengikut konteks perbualan antara watak dalam filem melalui kata yang diujarkan. Setiap deiksis menunjukkan penggunaan kata yang menjadi penunjuk maksud dalam dialog yang dituturkan mengikut situasi babak berkenaan.

Kajian yang dijalankan oleh Nurul Shahida et al. (2016) mengaplikasikan teori yang dikemukakan oleh Huang (2014) untuk menganalisis data. Dalam kerangka analisis Huang, deiksis sosial dikategorikan kepada deiksis sosial absolut, deiksis sosial relatif dan ekpresi deiksis sosial. Deiksis sosial absolut merupakan bentuk yang dikhususkan untuk penutur yang mempunyai kuasa, seperti hakim, profesor dan sebagainya. Deiksis sosial relatif pula mempunyai empat pembahagian honorifik. Pertama, honorifik rujukan, iaitu bentuk yang digunakan oleh penutur sebagai tanda hormat kepada rujukan. Kedua, honorifik pemerhati yang merupakan suatu bentuk tanda hormat yang digunakan oleh penutur kepada pemerhati, termasuklah peserta, dalam peranan pendengar. Ketiga, honorifik pesapa yang merujuk bentuk yang digunakan oleh penutur sebagai penghormatan kepada orang yang dituju. Keempat, honorifik paksi-latar penutur yang bererti hubungan antara penutur dengan peristiwa pertuturan, misalnya bahasa formal dan tidak formal. Ekspresi deiksis sosial pula terdiri daripada kata ganti nama diri orang, penanda rujukan kehormatan, hubungan kekeluargaan, dan penanda bentuk ucapan terhadap rujukan untuk menunjukkan kepelbagaiannya fungsi deiktik secara sosialnya, iaitu imbuhan. Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan deiksis sosial dalam interaksi yang berlaku dalam masyarakat Melayu Kedah, khususnya di Kampung Kubang Lintah, mukim Lepai, daerah Kota Setar (DKKS). Reka bentuk kajian yang digunakan ialah kualitatif dengan dua kaedah perolehan data, iaitu pemerhatian dan rakaman perbualan. Perbualan perlulah berlangsung secara spontan untuk memperoleh aktiviti berbahasa sebenar yang mampu menjelaskan penggunaan deiksis. Kajian lapangan ditumpukan kepada sebuah keluarga yang terdiri daripada ibu, anak dan adik-beradik yang lain di sebuah rumah. Hasil kajian menemukan ciri penggunaan deiksis yang tersendiri kerana pembinaannya meluas dengan pelibatan konseptual dan bukan disebabkan oleh bahasanya semata-mata. Dapatan kajian juga

menunjukkan bahawa rujukan **dia** digunakan untuk merujuk benda atau objek.

Kajian lain yang tidak jauh berbeza daripada kajian yang telah dinyatakan ini ialah kajian yang dilakukan oleh Yurica (2016). Namun begitu, kajian ini memfokuskan deiksis pesona sahaja. Objektifnya adalah untuk mengidentifikasi dan mengklasifikasikan, serta menganalisis fungsi deiksis persona dalam filem *Maleficent* dengan menggunakan kerangka konsep deiksis Levinson (1983). Deiksis persona juga dikenali sebagai deiksis orang yang dibahagikan kepada deiksis orang pertama, deiksis orang kedua dan deiksis orang ketiga. Dengan menggunakan metodologi secara deskriptif, pengkaji menonton filem terlebih dahulu untuk mendapatkan pemahaman yang lebih jelas. Kaedah kepustakaan yang mengaplikasikan kemudahan teknologi, iaitu internet, digunakan untuk mencari maklumat tambahan. Data dikumpulkan dengan cara mencetak skrip filem yang diperoleh daripada dalam talian, seterusnya mencatat jenis deiksis sosial pada kertas berlainan yang telah diberi kod tertentu. Hasilnya, sebanyak 900 data deiksis persona berjaya ditemukan. Bagi tujuan analisis, pengkaji mengambil antara 1 hingga 25 contoh sahaja bagi mewakili setiap deiksis. Dalam deiksis persona ini, setiap kategori orang pertama, orang kedua dan orang ketiga dibahagikan kepada jenis tunggal dan jenis jamak. Kajian ini menepati dan bersesuaian dengan teori yang digunakan dalam pengelasan jenis deiksis persona dan fungsinya.

METODOLOGI

Bahan yang digunakan dalam kajian ini ialah data daripada filem *Hikayat Merong Mahawangsa*, karya Yusry Abdul Halim yang diterbitkan pada tahun 2011. Fokus kajian hanyalah aspek deiksis. Deiksis diperoleh berdasarkan Teori Pragmatik Levinson (1983). Terdapat beberapa kaedah yang digunakan dalam analisis data, iaitu kaedah kepustakaan, kaedah muat turun bahan, kaedah transkripsi, kaedah analisis kandungan teks atau dokumen, dan kaedah penjadualan.

Filem *Hikayat Merong Mahawangsa* dimuat turun menerusi aplikasi Netflix. Filem ini ditonton untuk meneliti aspek deiksis yang terkandung dalam dialog pertuturan oleh setiap watak. Setiap ujaran ditranskripsikan ke dalam bentuk teks. Kaedah ini dijalankan dengan meneliti, menonton dan mendengar setiap ujaran yang dituturkan oleh watak dalam filem. Setelah ujaran ditranskripsikan ke dalam bentuk teks,

pengkaji mengklasifikasikan ujaran atau frasa yang mengandungi deiksis berdasarkan Teori Pragmatik Levinson (1983).

KERANGKA TEORI

Teori yang diaplikasikan dalam kajian ini ialah Teori Pragmatik Levinson (1983) yang mengklasifikasikan deiksis kepada lima jenis, iaitu deiksis orang, deiksis waktu, deiksis tempat, deiksis sosial dan deiksis wacana. Deiksis orang berkaitan dengan penggunaan kata ganti nama diri (KGND), iaitu KGND pertama, KGND kedua dan KGND ketiga. Kata ganti nama diri pertama merujuk orang yang sedang bertutur, misalnya **aku**, **saya**, **kita**, dan **kami**. Contoh KGND kedua pula ialah **awak**, **anda** dan **kamu** yang merujuk lawan tutur atau pendengar. Seterusnya, KGND ketiga merujuk orang atau pihak yang tidak ada di tempat sesuatu perbualan itu berlaku. Contoh KGND ketiga ialah **dia**, **mereka**, **beliau** dan **baginda**.

Seterusnya, deiksis waktu ialah deiksis yang menggambarkan masa atau saat sesuatu ujaran diungkapkan. Contohnya, **hari ini**, **esok**, **semalam**, **pagi**, **petang**, **malam**, **ahad**, **minggu depan**, **hujung minggu** dan sebagainya. Jenis deiksis tempat ialah petunjuk tentang tempat atau ruang menurut peserta dalam peristiwa bahasa, seperti **tepi**, **belakang**, **hadapan**, **sini**, **sana** dan **situ**. Kemudian, deiksis yang menggambarkan status sosial yang berbeza ialah deiksis sosial. Contoh penggunaannya ialah nama panggilan, seperti **puan**, **tuan**, **encik**, **datuk**, **doktor** dan sebagainya. Perbezaan status sosial juga terdiri daripada pengklasifikasian kekeluargaan, pangkat, pekerjaan, umur dan lain-lain. Akhir sekali ialah deiksis wacana yang merujuk perkara yang telah disebutkan, iaitu anafora dan katafora. Menurut Levinson (1983), anafora bermaksud rujukannya disebut terlebih dahulu, manakala katafora bermaksud rujukannya dinyatakan kemudian.

DAPATAN KAJIAN

Pengkaji menemukan kelima-lima deiksis yang diklasifikasikan dalam Teori Pragmatik Levinson (1983).

Deiksis Orang

Pengkaji mendapati bahawa deiksis orang yang terdapat dalam filem *Hikayat Merong Mahawangsa* memenuhi ketiga-tiga kategori, iaitu KGND pertama (104 ujaran), KGND kedua (66 ujaran) dan KGND ketiga

(44 ujaran) dengan jumlah keseluruhan sebanyak 214 ujaran. Deiksis orang bagi KGND pertama yang ditemukan ialah **saya, aku, kami, kita, beta, patik, dan hamba**. Deiksis KGND kedua pula terdiri daripada **awak, kamu, kau, anda, tuanku dan tuan hamba**. **Dia, mereka dan baginda** pula merupakan KGND ketiga.

Deiksis orang berkait secara langsung dengan kategori tatabahasa seseorang. Menurut Huang (2014), pada asasnya, deiksis orang melibatkan penutur yang dikenali sebagai orang pertama, penerima yang dikenali sebagai orang kedua, dan peserta penting lain dalam situasi pertuturan yang bukan penutur atau pendengar, yang dikenali sebagai orang ketiga.

i. KGND Pertama

Contoh KGND pertama yang ditemukan dalam kajian ini ialah **beta, patik dan hamba**. Penggunaan KGND ini dapat dilihat dalam Jadual 1 yang menjelaskan perbezaan penggunaan KGND pertama ini.

Jadual 1 Ujaran deiksis kata ganti nama diri pertama.

Data (D)	Watak	Ujaran	Minit
D1 Puteri Meng Li Hua		Beta tidak peduli jika matanya kecil dan berwarna merah. Beta tidak mahu menjadi tahanan seperti burung besi di dalam bilik maharaja. Beta mahu bebas, seperti burung bulbul yang sebenar. Beta tahu setelah mengahwininya, harapan bagi impian beta akan musnah.	19:20
D2 Laksamana Liu Yun		Patik percaya ia adalah nasib buruk dalam adat tuanku pengantin lelaki untuk bertemu pengantin perempuan sebelum perkahwinan.	25:05
D3 Kamawas		Hamba lebih suka duduk di sini. Hamba lebih gembira kalau dapat berbaring dengan Tuan Puteri di sisi.	1:16:07

ii. Kata Ganti Nama Diri Kedua

Contoh KGND kedua yang ditemukan dalam kajian ini ialah **Tuanku**, **tuan hamba** dan **kau**. Penggunaan KGND ini dapat dilihat dalam Jadual 2.

Jadual 2 Ujaran deiksis kata ganti nama diri kedua.

Data (D)	Watak	Ujaran	Minit
D4	Putera Marcus	Hentikannya. Tuanku mahu melarikan diri? Baik. Beta tiada masalah. Silakan. Beta akan tunjukkan jalan.	30:22
D5	Embok	Pak Kesum begitu percaya pada Tuan Hamba . Dia mengatakan Tuan Hamba ini Raja dari luar. Penyelamat sekelian suku.	51:40
D6	Taji	Kamawas. Kau jangan lupa. Kekebalanmu atas ihsan azimatku. Hilang tangkal, hilanglah kebal. Jangan lupa.	1:09:55

iii. Kata Ganti Nama Diri Ketiga

Dengan berdasarkan Jadual 1, terdapat tiga KGND pertama yang dipilih, iaitu **beta**, **patik** dan **hamba**. Dalam data D1, D2 dan D3 ini, Puteri Meng Li Hua, Laksamana Liu Yun, dan Kamawas menggunakan KGND **beta**, **patik**, dan **hamba**, masing-masing. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan taraf sosial dan kedudukan antara penutur dengan pendengar. Kata ganti nama diri **beta** digunakan untuk golongan atasan atau golongan raja, manakala KGND **patik** dan **hamba** digunakan semasa berkomunikasi dengan golongan atasan (Asmah, 2009). Penggunaan KGND dalam deiksis perorangan sangat berkait rapat dengan deiksis sosial, seperti penggunaan KGND **beta**, **patik** dan **hamba**.

Contoh KGND ketiga yang ditemukan dalam kajian ini ialah **dia**, **baginda** dan **mereka**. Penggunaan KGND ini dapat dilihat melalui Jadual 3.

Jadual 3 Ujaran deiksis kata ganti nama diri ketiga.

Data (D)	Watak	Ujaran	Minit
D7	Ketua Goa	Selama lebih dari tiga puluh tahun dia telah berlayar di perairan ini seolah-olah ini adalah kerajaannya sendiri, dan setiap kali dia bersauh di pelabuhan dia memberitahu para wanita di sana, bahawa dia ialah pewaris Raja Alexander Agung.	6:51
D8	Puteri Meng Li Hua	Bagaimana dengan nasib yang ditetapkan untuk tuan puteri? Bakal suami yang memahami hati wanita. Baginda pasti gembira di bilik tuanku, bukan?	31:59
D9	Merong Mahawangsa	Ya, Laksamana. Tentera Geruda menuju ke sini. Dikatakan sebelum mereka menyerang, langit akan memberitahu mangsanya dengan dentuman guruh. Mereka memuja tuan purba.	36:53

Jadual 2 pula menunjukkan KGND kedua yang memaparkan penggunaan kata ganti nama **Tuan Hamba** (D5), **Tuanku** (D4) dan **kau** (D6). Penggunaan KGND kedua ini menunjukkan pengaruh deiksis sosial dalam pengaplikasian kata ganti nama. Penggunaan KGND perorangan secara sosialnya digunakan untuk memperoleh kesan penggunaan ekspresi deiktik (Huang, 2014).

Aspek penggunaan deiksis sosial secara penggunaan KGND perorangan dalam watak menimbulkan kekaburuan akibat daripada hubungan sosial yang terjalin. Huang (2014) menyatakan bahawa kategori KGND orang pertama ialah rujukan penutur yang menjadi penutur kepada interlokutor [+PNT], KGND kedua ialah rujukan penutur kepada seorang atau lebih pendengar [+PND], dan KGND ketiga menjelaskan rujukan orang atau entiti yang bukan penutur atau pendengar [-PNT -PND].

Berdasarkan data yang terdapat dalam Jadual 1, Jadual 2 dan Jadual 3, ekspresif deiktik KGND yang digunakan memberikan gambaran bahawa pelaku mempunyai ikatan yang rapat dengan pendengar. Penggunaan KGND pertama **beta** (dalam D1), **patik** (D2),

hamba (D3), **dia** (D7), **baginda** (D8) dan **mereka** (D9) menghasilkan tahap kehormatan pada aras yang tinggi semasa berkomunikasi. Hal ini disebabkan oleh faktor sosial peserta komunikasi, iaitu antara raja dengan anak buah. Semakin rapat hubungan yang terjalin, semakin rendah aras bentuk kata kehormatan, dan semakin jauh hubungan yang terjalin, semakin tinggi aras bentuk kata kehormatan yang terjalin (Nurul Shahida et al., 2016).

Deiksis Tempat

Deiksis tempat merujuk pemberian tempat menurut peserta dalam peristiwa tutur (Levinson, 1983). Dalam filem *Hikayat Merong Mahawangsa*, terdapat beberapa ujaran yang dikenal pasti melibatkan deiksis tempat seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4. Pengkaji telah mengenal pasti 51 ujaran yang dituturkan oleh watak dalam filem *Hikayat Merong Mahawangsa* yang menjelaskan deiksis tempat. Contoh deiktik yang dikenal pasti ialah **sini**, **sana**, **hujung**, **hadapan**, **belakang**, **bilik maharaja**, dan sebagainya.

Jadual 4 Ujaran deiksis tempat.

Data (D)	Watak	Ujaran	Minit
D10	Taji	Aku juga meminta Raja China supaya tunduk kepada daulat Geruda. Dan kelak kita menjadi Raja di selat ini.	48:19
D11	Merong Mahawangsa	Hamba ingat hamba pernah duduk di sini dulu.	59:29

Dengan berdasarkan **Jadual 4**, data D10 memperlihatkan dialog yang diujarkan oleh Taji kepada Kamawas. **Selat** yang dimaksudkan dalam konteks ayat ini merujuk Golden Khersones yang telah mereka serang sebelumnya. Taji memberitahu orang kanannya, Kamawas, berkenaan permintaan mereka kepada Raja China supaya tunduk kepada daulat Geruda kerana sekiranya China tidak menurutinya, maka Puteri Meng Li Hua yang diculik oleh mereka akan dibunuh. Terakhir, ujaran dalam D11 merupakan ungkapan Merong Mahawangsa kepada Pak Kesum yang menceritakan mimpiannya tentang ketibaan seorang Raja dari luar yang akan menyatukan dua kampung yang pernah bersatu, namun

telah terpisah. Deiktik **Di sini** dalam konteks ini merujuk Langkasuka, iaitu tempat yang kini didiaminya setelah dirawat daripada kecederaan pertarungan sebelum itu. Namun begitu, Merong tidak mempercayai mimpi dan amanat Pak Kesum kerana menurutnya dia pernah tinggal di Langkasuka. Oleh itu, dia menidakkan mimpi itu kerana dia bukannya orang luar.

Berdasarkan deiksis tempat yang diperoleh, terdapat kaedah atau cara untuk mengenal pasti penggunaan deiksis tempat. Kaedah yang dimaksudkan ialah penggunaan kata sendi nama sebelum sesuatu tempat atau lokasi dinyatakan. Contohnya, penggunaan kata sendi nama **di** dalam D10 dan D11. Penggunaan kata sendi nama ini dapat dijadikan sebagai panduan untuk mengenal pasti penggunaan deiksis tempat (Silvilia, 2020).

Deiksis Waktu

Menurut Levinson (1983) deiksis waktu melibatkan pengekodan titik temporal dan rentang relatif terhadap masa apabila sesuatu ujaran itu diucapkan (atau mesej bertulis ditulis). Deiksis waktu berfungsi untuk mencari titik atau selang pada deiksis waktu, serta menggunakan (akhirnya) momen ujaran sebagai tempat rujukan. Deiksis waktu juga merujuk masa berbanding dengan titik rujukan temporal. Biasanya, titik ini ialah momen luahan. Oleh itu, terdapat pembahagian utama deiksis waktu, iaitu sebelum saat lafadz, pada masa lafadz dan selepas sebutan masa. Ujaran bagi deiksis waktu yang paling asas dalam bahasa Melayu ialah **sekarang, dulu, dahulu** dan **kemudian**.

Deiksis waktu merujuk masa sesuatu peristiwa berlaku, sama ada pada masa lalu, masa kini atau masa akan datang. Pengkaji telah mengenal pasti 65 ujaran bagi kategori ini. Antara deiktik dalam ujaran deiksis waktu yang membawa maksud waktu lampau termasuklah **sebelum ini, pernah, sudah, musim panas lalu** dan **selama ini**. Ujaran yang menunjukkan waktu semasa pula terdiri daripada deiktik **hari ini, kali ini, sekarang, setiap malam, malam ini** dan **sebentar**. Seterusnya ujaran yang menunjukkan waktu akan datang ditandakan oleh deiktik **bulan hadapan, bulan baharu, selepas, nanti**, dan lain-lain. Contoh penggunaan deiksis waktu dalam filem *Hikayat Merong Mahawangsa* ini ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 5 Ujaran deiksis waktu.

Data (D)	Watak	Ujaran	Minit
D12	Merong Mahawangsa	Mungkin kali ini ke Macedonia, Yunani, Roma? Mungkin berlayar ke arah berbeza dan lihat jika terjatuh di hujung dunia.	11:16
D13	Ying Ying	Puteri! Laksamana. Konvoi sudah tiba.	22:30
D14	Embok	Bila mahu pergi dari sini? Bulan mengambang purnama penuh?	51:34
D15	Pak Kesum	Beberapa lama dahulu mereka datang dan ternampaklah dek Kamawas anak murid Taji akan Embok anak gadis sunti penghulu kampung.	57:37

Deiksis waktu dapat dilihat dalam data D12, D13, D14 dan D15 dalam Jadual 5 menerusi deiktik **kali ini**, **sudah**, **bulan mengambang purnama penuh** dan **beberapa lama dahulu**, masing-masing. Deiksis yang dipaparkan ini menceritakan dan menjelaskan masa atau waktu. Contohnya, data D13 dengan jelasnya menceritakan waktu melalui penggunaan kata bantu aspek **sudah**. Asmah (2009) menyatakan bahawa penggunaan kata bantu aspek menunjukkan sesuatu masa atau waktu, sama ada waktu akan datang, waktu semasa atau waktu lepas. Kenyataan ini disokong oleh Levinson (1983) yang menyatakan bahawa deiksis waktu menjelaskan kod masa atau mengekodkan sesuatu masa apabila ujaran dihasilkan. Istilah masa yang digunakan ini terbahagi kepada tiga, iaitu masa akan datang, masa semasa dan masa lepas. Dalam hal ini, data D13 dan D15 menunjukkan waktu lepas, data D14 menunjukkan waktu akan datang, dan data D12 menunjukkan waktu semasa.

Deiksis Sosial

Menurut Levinson (1983), deiksis sosial merujuk penggunaan panggilan tertentu yang dikenali sebagai kata ganti nama dalam banyak bahasa. Levinson (1983) menyatakan bahawa terdapat dua jenis asas deiksis sosial, iaitu deiksis sosial mutlak, dan deiksis sosial relasional. Deiksis sosial mutlak merujuk beberapa ciri sosial rujukan, terutamanya orang, selain relatif kepada rujukan. Deiksis sosial biasanya merujuk pemutlakan yang dinyatakan dalam bentuk alamat tertentu. Bentuk alamat tidak termasuk dalam perbandingan kedudukan penutur dan penerima. Yang

ada hanyalah rujukan mudah status mutlak penerima. Contohnya, **Presiden saya - Yang Berhormat.**

Deiksis sosial relasional pula merujuk hubungan sosial antara penutur dengan pendengar. Rujukan sosial relasional dalam konteks ekstralinguistik adalah seperti perbezaan kata ganti nama diri kedua dalam bahasa Perancis dan tahap pertuturan masyarakat di Asia Tenggara. Selain itu, kebanyakan bahasa di Asia bergantung pada hubungan pada status relatif penutur dengan penerima (Huang, 2014).

Terdapat dua jenis asas deiksis sosial yang dikodkan dalam bahasa di seluruh dunia, iaitu hubungan dan mutlak. Kepelbagaiannya merupakan perkara paling penting. Antara hubungan yang biasa dinyatakan termasuklah:

- (1) hubungan antara penutur dengan rujukan
- (2) hubungan antara penutur dengan penerima
- (3) hubungan antara penutur dengan penonton
- (4) hubungan antara penutur dengan latar

Selain berfungsi sebagai hubungan penutur dengan rujukan, deiksis sosial juga berperanan dalam tatabahasa bagi pengekodan struktur bahasa dan maklumat sosial (Miftah, 2016). Deiksis sosial boleh dihadkan secara sistematik pada kajian fakta yang terletak dalam skop struktur kajian sistem linguistik, meninggalkan kajian penggunaan domain lain. Menerusi penjelasan ini, deiksis sosial ialah kajian tentang destinasi pengekodan yang bersifat relatif kepada peranan peserta, khususnya aspek hubungan sosial antara penutur dengan penerima atau antara penutur dengan beberapa rujukan. Deiksis sosial juga mengambil berat pengekodan bahasa dan sosial ujaran.

Deiksis sosial menekankan kodifikasi status sosial seseorang penutur, pendengar atau orang ketiga yang meliputi aspek kelas sosial, hubungan kekerabatan, umur, jantina, pekerjaan dan kumpulan etnik (Levinson, 1983). Pengkaji mengenal pasti ujaran dengan mengklasifikasikan data bagi deiksis sosial ini kepada empat status sosial berdasarkan filem *Hikayat Merong Mahawangsa*, iaitu kekeluargaan, kedudukan/pangkat, pekerjaan dan umur. Jumlah keseluruhan bagi deiksis sosial ialah sebanyak 62 ujaran. Terdapat 10 ujaran bagi status kekeluargaan yang dapat dikenal pasti yang terdiri daripada deiktik **ayah, ibu, kakak dan saudara**. Status kedudukan/pangkat mencatatkan jumlah ujaran tertinggi, iaitu 45 ujaran yang menunjukkan deiksis sosial antara pemerintah dengan yang

diperintah. Antara deiktiknya termasuklah **Tuan Putera**, **Tuan Puteri**, **maharaja**, **raja**, **Yang Mulia** dan sebagainya. Status pekerjaan pula mempunyai tiga ujaran, manakala status umur mempunyai lima ujaran yang merujuk satu watak sahaja, iaitu Pak Kesum.

i. Kekeluargaan

Aminnudin (2015) menyatakan bahawa dalam aspek kekeluargaan, terdapat dua kategori utama, iaitu keluarga asas dan keluarga kembangan. Penggunaan sistem panggilan dalam kekeluargaan juga merupakan satu aspek deiksis sosial. Penggunaan deiksis sosial ini secara tidak langsung memperlihatkan satu bentuk praktis sosial dalam komunikasi sehari-hari. Contoh ujaran deiksis sosial kekeluargaan ditunjukkan dalam Jadual 6.

Jadual 6 Ujaran deiksis sosial kekeluargaan.

Data (D)	Watak	Ujaran	Minit
D16	Merong Mahawangsa	Kebetulan ibu patik berasal dari Golden Khersones tempat yang kita akan pergi untuk perkahwinan tuanku.	14:40
D17	Puteri Meng Li Hua	Ying Ying, kamu seperti kakak beta.	19:54
D18	Putera Marcus	Lagi pun, beta sudah anggap kamu seperti saudara .	1:05:27

Dengan berdasarkan Jadual 6, ujaran Merong Mahawangsa dalam D16, iaitu “Kebetulan **ibu** patik berasal dari Golden Khersones tempat yang kita akan pergi untuk perkahwinan tuanku” dengan jelas menggunakan deiksis sosial. Deiktik **ibu** merupakan satu bentuk deiksis sosial kekeluargaan yang digunakan sebagai kata panggilan hormat kepada orang yang melahirkan kita. Seterusnya, data D17 memperlihatkan ujaran Puteri Meng Li Hua kepada Ying Ying, melalui penggunaan deiktik **kakak**. Seperti yang diketahui, deiktik **kakak** merupakan satu daripada deiktik yang terkandung dalam deiksis sosial kekeluargaan. Data D18 melalui ujaran Putera Marcus menggunakan deiktik **saudara** juga ialah contoh panggilan hormat kepada orang lain.

Penggunaan deiksis sosial kekeluargaan yang terdapat dalam Jadual 6 jelas menunjukkan bentuk panggilan hormat berdasarkan aspek kekeluargaan. Walau bagaimanapun, data D18 yang menggunakan

deiktik **saudara** tidak merujuk saudara yang mempunyai pertalian darah, sebaliknya panggilan hormat berdasarkan status pergaulan.

ii. Kedudukan/Pangkat

Aspek kedudukan dan pangkat satu daripada aspek deiksis sosial. Penggunaan deiksis sosial yang tepat bagi merujuk kedudukan, status dan pangkat seseorang sangat dipentingkan bagi menunjukkan kesantunan dan kehormatan. Contoh ujaran deiksis sosial kedudukan/pangkat ditunjukkan dalam Jadual 7.

Jadual 7 Ujaran deiksis sosial kedudukan/pangkat.

Data (D)	Watak	Ujaran	Minit
D19	Lycius	Lindungi tuan putera dan hancurkan siapa pun yang mencuba mencedarakan.	12:33
D20	Ying Ying	Kami belajar untuk tuanku, Yang Mulia . Ini demi memudahkan urusan.	31:11
D21	Laksaman Liu Yun	Tuan puteri kami sangat digemari dan dihormati di istana.	1:07:08

Dalam data D19, ujaran Lycius, iaitu “lindungi **tuan putera** dan hancurkan siapa pun yang mencuba mencedarakan” merupakan suatu ujaran deiksis sosial kedudukan yang menggunakan deiktik **tuan putera**. Panggilan **tuan putera** digunakan bagi merujuk anak raja (Aminnudin, 2015). Konteks data D19, D20 dan D21 memperlihatkan penggunaan deiktik **tuan putera**, **Yang Mulia** dan **Tuan Puteri**. Ketiga-tiga ujaran ini menunjukkan fungsi rujukan kejauhan atau distal (Levinson, 1983). Fungsi ini digunakan apabila seseorang peserta komunikasi mempunyai status, kedudukan dan pangkat yang berbeza-beza. Ketiga-tiga ekspresi deiktik ini menunjukkan status pendengar yang berbeza daripada status penutur, iaitu raja dan puteri. Hal ini bertepatan dengan kenyataan Nurul Shahida et al. (2016) yang menyatakan bahawa deiksis sosial amat mementingkan status sosial dan kedudukan peserta komunikasi dalam pemilihan rujukan yang bersesuaian. Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa penggunaan dan pemilihan rujukan yang terdapat dalam Jadual 8 adalah berkaitan dengan deiksis sosial kedudukan dan status.

iii. Pekerjaan

Aminnudin (2015) menyatakan bahawa kebanyakan deiksis sosial pekerjaan hanya memfokuskan gender neuter yang melibatkan panggilan tertentu, terutamanya dalam bidang ketenteraan, badan beruniform, gelaran, dan jawatan. Keunikan sistem sosial Melayu ini dapat dilihat menerusi penambahan leksikal status kehormatan, seperti **tuan**, **yang berhormat**, dan **yang berbahagia** bagi sesuatu jawatan, gelaran, dan status. Contoh ujaran deiksis sosial pekerjaan ini ditunjukkan dalam Jadual 8.

Jadual 8 Ujaran deiksis sosial pekerjaan.

Data (D)	Watak	Ujaran	Minit
D22	Laksamana Liu Yun	Kapten mesti lihat ini sekarang juga.	36:02
D23	Puteri Meng Li Hua	Mengapa di sini Tuan Panglima ? Bukankah tugas Tuan Panglima bersama askar di luar sana?	1:15:09

Dengan berdasarkan Jadual 8, ekspresi deiktik sosial pekerjaan dapat dilihat pada data D22 dalam ujaran “**Kapten** mesti lihat ini sekarang juga”. Data D22 ini memberikan gambaran bahawa penutur mempunyai ikatan sosial yang rapat dengan pendengar. Penggunaan panggilan gelaran seperti dalam data D22 menunjukkan bahawa sistem sosial masyarakat Melayu amat mementingkan kesantunan, terutamanya terhadap seseorang yang mempunyai pangkat, gelaran dan jawatan. Melalui data D22, peserta komunikasi mempunyai pangkat yang hampir sama, iaitu kapten dan laksamana. Walaupun peserta komunikasi mempunyai pangkat yang hampir setara, peserta komunikasi masih mementingkan sistem sosial dalam berkomunikasi.

Dengan berdasarkan perbincangan yang telah dijalankan, analisis penggunaan deiksis melalui ekspresi deiktik dalam komunikasi dapat memberikan gambaran dan penilaian terhadap gejala sosiobudaya, perlakuan, tingkah laku dan akal budi yang dimiliki. Pendeskripsian aspek deiksis dalam filem dilihat dapat membentuk identiti dan sahsiah penuturnya. Sahsiah bermakna peribadi atau personaliti yang merujuk sifat yang mencirikan peribadi orang berkenaan. Selain menilai sahsiah,

watak yang membawakan sesuatu perwatakan perlu bijak dalam aspek berkata-kata, terutamanya dalam pemilihan kata walaupun setiap dialog telah disediakan. Dengan adanya pemilihan kata yang lebih tepat dan jelas, aspek deiksis itu dapat disampaikan dan menonjolkan keperibadian masyarakat Melayu.

Unsur deiksis memainkan peranan penting dalam komunikasi sehari-hari sehingga masalah menginterpretasikan makna yang berbeza oleh seseorang penutur bahasa dapat diatasi. Deiksis dijadikan sebagai konteks rujukan bagi mentafsir makna, dan had tertentu yang ditetapkan supaya bentuk konteks makna yang paling relevan dengan bahasa yang dipilih dapat ditentukan makna ujarannya. Hakikatnya, dengan meneliti aspek deiksis dalam bahasa tertentu, aspek terminologi, dan leksikografi yang khusus dalam bahasa tersebut bukan sahaja dapat dilihat, bahkan dapat ditentukan keunikan dan keistimewaannya.

Deiksis Wacana

Berdasarkan penelitian, sebanyak 18 ujaran mempunyai penunjuk bagi deiksis wacana yang dibahagikan kepada dua kategori, iaitu anafora dan katafora. Antara penunjuk deiktik bagi deiksis wacana ialah **nya**, **itu** dan **ini**. Anafora membawa maksud kata atau frasa yang mengaitkan maklumat baharu dengan entiti yang pernah disebut, iaitu anteseden (Darista, 2015). Proses yang menghubungkan anafora dengan anteseden disebut sebagai rujukan anafora (Levinson, 1983). Tujuan penggunaannya adalah untuk mengurangkan pengulangan unsur bahasa tertentu dalam ayat atau wacana, serta mengurangkan jumlah kata agar dapat menghasilkan kesempurnaan makna, kepelbagaiannya gaya dan pertautan idea (Levinson, 1983). Maryam Nabilah dan Nurul Jamilah (2020) menyatakan bahawa anafora ialah pengganti yang digunakan sesudah menyebut sesuatu kata atau rangkai kata agar kata atau rangkai kata itu tidak diulang untuk menghindari kebosanan. Anafora lebih banyak digunakan berbanding dengan katafora dalam penulisan saintifik. Hal ini memberikan gambaran bahawa anafora ialah unsur bahasa yang penting dalam karya saintifik.

Katafora pula boleh ditakrifkan sebagai hubungan rujukan yang menggunakan unsur yang dirujuk, biasanya kata ganti nama, yang dijadikan sebagai unsur rujukan semula (Yurica, 2016). Contoh ujaran deiksis wacana ditunjukkan dalam Jadual 9.

Jadual 9 Deiksis wacana.

Wacana	Ujaran
Anafora	1. Kami belajar untuk tuanku, Yang Mulia. Ini demi memudahkan urusan.
Katafora	1. Bukan, bukan. dengan cara ini dia dapat bertarung dengan lelaki yang hampir menjatuhkan maruah adiknya. 2. Sejurnya , saya tidak. Tapi bagaimana jika, awak tidak pergi ke Rom sebaliknya Rom datang kepada anda.

Deiksis wacana juga dikenali sebagai deiksis teks yang merujuk penggunaan ungkapan dalam sesuatu ujaran. Deiksis wacana juga merujuk sebahagian daripada wacana yang berkaitan dengan lokasi semasa penutur dalam wacana. Menurut Levinson (1983), deiksis wacana mempunyai kaitan dengan pengekodan rujukan bagi bahagian wacana terungkap yang ujarannya merujuk sebahagian daripada wacana yang mengandungi ujaran itu (yang termasuk lafaz itu sendiri). Penutur juga boleh memasukkan deiksis wacana ke dalam isyarat ujaran dengan melihat hubungannya dengan teks sekeliling (Azmin, 2018).

KESIMPULAN

Berdasarkan analisis yang dijalankan, jenis deiksis yang terkandung dalam filem *Hikayat Merong Mahawangsa* adalah bertepatan dengan Teori Pragmatik Levinson (1983). Berdasarkan analisis kajian, jumlah keseluruhan bagi kelima-lima deiksis adalah sebanyak 350 ujaran. Separuh daripada jumlah tersebut didominasi oleh deiksis orang yang mencatatkan jumlah tertinggi, iaitu sebanyak 180 deiksis (51.4%). Dalam deiksis orang, penggunaan KGND pertama paling banyak, iaitu 95 deiksis (27.14%), manakala penggunaan KGND kedua dan KGND ketiga berjumlah 60 deiksis (17.14%) dan 44 deiksis (10.37%), masing-masing. Jumlah deiksis kedua tertinggi merupakan deiksis waktu dengan jumlah 65 deiksis (18.57%). Dalam deiksis sosial, status kedudukan/pangkat mendominasi dengan jumlah sebanyak 45 deiksis (12.85%), manakala yang paling sedikit ialah status pekerjaan dengan hanya dua deiksis (0.57%). Status sosial kekeluargaan dan status sosial

umur pula mencatatkan sebanyak 10 deiksis (15.12%) dan lima deiksis (1.22%), masing-masing yang menjadikan jumlah keseluruhan bagi deiksis sosial ialah 62 deiksis. Seterusnya, deiksis tempat merupakan deiksis kedua terendah dengan jumlah 51 deiksis (12.44%). Akhir sekali, deiksis wacana mencatatkan jumlah 18 deiksis yang terdiri daripada anafora dan katafora dengan jumlah 13 deiksis (3.17%) dan lima deiksis (1.22%), masing-masing.

PENGHARGAAN

Pengkaji merakamkan penghargaan kepada Kulliyah Bahasa dan Pengurusan kerana memberikan kemudahan infrastruktur dalam penulisan makalah ini.

RUJUKAN

- Aminnudin Saimon. (2019). *Lakuan bahasa dalam filem Melayu terpilih* [Disertasi kedoktoran yang tidak diterbitkan]. Universiti Putra Malaysia.
- Aminnudin Saimon. (2015). *Leksis gender dalam novel terpilih A. Samad Said* [Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Putra Malaysia.
- Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu mutakhir* (Ed. kelima). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azmin, A. M. (2018). *Analisis deiksis dalam novel surga yang tidak dirindukan: Kajian pragmatik* [Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Negeri Jakarta.
- Darista. (2015). Deiksis dalam kumpulan cerpen al-Kabuus tinjauan sosiopragmatik. *Al-turas*. <http://journal.uinjkt.ac.id/index.php/al-turats/article/viewFile/3846/2830>
- Huang, Y. (2014). *Pragmatics*. (2nd. ed). Oxford University Press.
- Levinson, S. (1983). *Pragmatics*. Cambridge University Press.
- Maryam Nabilah Alias & Nurul Jamilah Rosly. (2020). Analisis deiksis dalam novel 9 Nyawa: Satu analisis pragmatik. *International Young Scholars Journal of Languages*. <https://iium.edu.my/media/62554/Analisis%20Deiksis%20Novel%209%20Nyawa.pdf>
- Miftah, Z. M. (2016). Analysis of deixis in the article selected from the *Jakarta Post*. Proceeding of International Conference: Role of International Languages Toward Global Education System. IAIN Palangka Raya. Central Kalimantan. Indonesia. 25 June 2016.
- Nurul Shahida Jamil, Maslida Yusof & Karim Harun. (2016). Dieksis sosial dalam interaksi masyarakat Melayu Kedah. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 12(11), 44–61. <https://ejournal.ukm.my/gmjss/article/viewFile/15614/4889>

- Rosanti Saman & Djon Lasmono. (2017). Deiksis bahasa Melayu Sambas dalam filem *Kembang Polaria*. *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran*. <https://core.ac.uk/download/pdf/304715980.pdf>
- Silvia Hariyati Merentek. (2016). *Deiksis dalam filem Cinderella: Analisis pragmatik* [Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Sam Ratulangi.
- Silvilia, H. (2020). Use of deixis in Harry Potter and the sorcerer's stone by J. K. Rowling (A pragmatic analysis). *IOSR Journal of Humanities and Social Science*, 25(2), 19–26.
- Tira Nur Fitria. (2020). Analysis of deixis in the movie subtitle of *First Kiss*. *LET: Linguistics, Literature and Language Teaching Journal*. 10(1).
- Yurica Papilaya. (2016). Deiksis persona dalam filem *Maleficent*: Analisis pragmatik. *Jurnal Elektronik Fakultas Sastra Universitas Sam Ratulangi*, 3(2). <https://ejournal.unsrat.ac.id/index.php/jefs/article/viewFile/12897/12485>